

Headline	Pertemuan rayu tambah kuota haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	4	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	104 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,664



# Pertemuan rayu tambah kuota haji

**Kuala Lumpur:** Tabung Haji (TH) akan mengadakan pertemuan dengan Kerajaan Arab Saudi akhir bulan ini bagi postmortem haji dan mengecekkan rayuan berhubung tambahan kuota jemaah haji.

Jumlah kuota haji yang diperuntukkan Arab Saudi sehingga kini masih lagi kekal seramai 22,300 dan permohonan akan dikemukakan bagi mendapat tambahan atau mendapatkan kembali kuota asal 27,900 jemaah.

Oleh itu, keputusan mengenai rayuan TH memohon penambahan jumlah kuota jemaah haji untuk tahun ini dijangka bakal diketahui dalam tempoh beberapa bulan lagi.

**Kaedah dapat tambahan**  
Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata pelbagai kaedah diguna-

kan bagi mendapat tambahan jumlah kuota.

"Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Arab Saudi akan membantu memohon tambahan kuota yang kita harapkan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pengumuman Bonus Pendeposit TH 2014, di sini semalam.

Kuota haji bagi Malaysia yang dibenarkan Kerajaan Arab Saudi adalah 22,300 orang sejak dua tahun lalu iaitu pengurangan sebanyak 20 peratus berikutan kerja pembesaran Masjidilharam.

Sementara itu, Abdul Azeez, berkata dengan pengagihan bonus terbit ia menjadikan lebih 31,000 pendeposit TH mempunyai simpanan yang cukup untuk menunaikan haji tahun ini.